

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	11 March 2016

Waspada agenda pakatan Dr. Mahathir-pembangkang

UM - 11/3/2016

ALOR GAJAH 10 Mac - Rakyat negara ini dinasihat agar berwaspada dengan agenda pihak yang terlibat dalam pakatan Tun Dr. Mahathir Mohamad dan pembangkang bagi menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Wee Ka Siong berkata, rakyat juga diminta tidak mudah terpengaruh sebaliknya tahu menilai agenda tersembunyi pihak berkenaan terutamanya Dr. Mahathir dan pemimpin veteran DAP, Lim Kit Siang.

Menurutnya, usaha kedua-dua bekas pemimpin yang dahulunya berdendam antara satu sama lain itu merupakan percaturan politik dalam kalangan pihak yang tidak berpuas hati dengan Perdana Menteri.

"Mereka tidak lagi menghiraukan latar belakang antara satu sama lain hingga menyebabkan banyak pihak keliru mengenai agenda sebenar yang mahu dimainkan mereka.

"Saya rasa ini jelas menunjukkan bahawa mereka mempunyai satu matlamat sahaja iaitu hendak menjatuhkan kerajaan dan kita kena berwaspada kerana tahu agenda itu sangat jelas.

"Sebagai pemimpin, kita sepatutnya tumpukan perhatian kepada soal macam mana nak menambah pendapatan rakyat kerana itu lebih penting daripada kita berpolitik tak ke mana," katanya.

Beliau yang juga Timbalan Presiden MCA berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Malam Kebudayaan dan Makanan Machap Baru Melaka di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Machap Baru, di sini malam tadi.